



17 DEC, 2020

Durian tidak lagi bergelar `raja buah`

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Durian tidak lagi bergelar 'raja buah'

EKSKLUSIF

Oleh **AMREE AHMAD**
 utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Populariti durian yang gah sebagai raja segala buah tahun ini nampaknya mulai 'dicabar' oleh buah-buahan lain termasuk mangga harumanis, rambutan dan dokong.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjelaskan, permintaan durian bukan sahaja jatuh dari segi nilai jualan keseluruhan, malah kuantiti di pasaran tempatan.

"Penurunan dipengaruhi perubahan cuaca tidak menentu, pengeluaran buah tidak konsisten dan sentimen harga yang tinggi di pasaran," jelas agensi itu di sini semalam.

Tiga faktor itu jelas FAMA, menjadi cabaran bagi memperoleh bekalan berterusan di samping perlu meminimumkan kos belian yang semakin meningkat.

FAMA menambah, meskipun pandemik Covid-19 muncul, aktiviti pembelian di peringkat ladang masih berlaku berikutan permintaan tinggi terutama perniagaan jualan secara dalam talian.

Berdasarkan data untuk tahun ini sehingga Oktober lalu,



MASALAH cuaca, harga tinggi dan pengeluaran tidak konsisten menyebabkan durian kurang mendapat sambutan pada tahun ini.

penjualan durian kampung diuruskan agensi itu merekodkan kejatuhan terbesar dengan nilai keseluruhannya RM82,682.

Sebanyak 8,401 kilogram durian jenis tersebut dijual oleh FAMA di seluruh negara berbanding 72,419 kilogram dengan nilai pasaran RM469,603 sepanjang tahun lepas.

Durian kampung pernah meraih rekod tertinggi pada 2018

iaitu 182,595 kilogram dengan nilai RM974,220, melonjak tinggi daripada 2017 iaitu hanya 19,472 kilogram dengan RM248,284.

Turut menerima nasib yang sama ialah durian klon apabila setakat Oktober lepas, cuma 8,974 kilogram dengan nilai pasaran RM191,374 dijual oleh pihak FAMA.

Padahal sepanjang tahun

lalu, sebanyak 48,712 kilogram dengan nilai RM635,805 dicatatkan manakala pada 2018, durian itu pernah pecah rekod sebanyak 94,212 kilogram dengan nilai RM906,452.

Sementara itu pada 2017, meskipun durian klon hanya dijual sebanyak 34,574 kilogram, nilainya mencecah RM872,182 berikutan harga yang amat tinggi di pasaran seluruh negara ketika itu.



17 DEC, 2020

Durian tidak lagi bergelar `raja buah`

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

EKSKLUSIF

PUTRAJAYA: Populariti durian yang gah sebagai raja segala buah tahun ini nampaknya mulai 'dicabar' oleh buah-buahan lain termasuk mangga harumanis, rambutan dan dokong. Bercakap kepada Utusan Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menjelaskan, permintaan durian bukan sahaja jatuh dari segi nilai jualan keseluruhan, malah kuantiti di pasaran tempatan. "Penurunan dipengaruhi perubahan cuaca tidak menentu, pengeluaran buah tidak konsisten dan sentimen harga yang tinggi di pasaran," jelas agensi itu di sini semalam.